

1

MEDEKATI KARYA SASTERA DAN PROSES KREATIF

Kesusasteraan ialah ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa. Perkataan sastera dan kesusasteraan merujuk kepada segala pengucapan yang indah-indah untuk menyampaikan buah fikiran dan meluahkan perasaan. Pengucapan ini dinamakan karya sastera, sama ada tertulis atau tidak ditulis. Melalui kesusasteraan, manusia menyampaikan buah fikiran dan meluahkan perasaan keindahan bahasa dan ketinggian buah fikiran mencerminkan ketinggian budaya sesuatu masyarakat. Penulisan terbahagi kepada dua iaitu:

1. Penulisan deskriptif yang juga disebut non-kreatif.
2. Penulisan kreatif.

Penulisan Deskriptif

Penulisan deskriptif mementingkan kebenaran fakta atau kesahihan fakta. Termasuk di dalam kategori ini ialah laporan, misalnya laporan tahunan sesebuah organisasi, berita, rencana akhbar dan majalah, minit mesyuarat dan sebagainya. Sebagai contoh, laporan atau berita tentang kemalangan jalan raya mesti mengandungi fakta seperti waktu kejadian, tempat kejadian, mangsa yang terlibat, angka kematian dan tahap kecederaan. Penulis tidak boleh memalsukan fakta bahkan bertanggungjawab untuk membuktikan kesahihan perkara-perkara yang dituliskannya. Seorang pegawai yang membuat laporan tahunan organisasinya sudah tentu mesti melaporkan perkara yang benar. Melaporkan perkara yang tidak benar atau menokok tambah fakta dan angka adalah salah malah adakalanya dikira suatu jenayah.

Penulisan Kreatif

Penulisan kreatif termasuk puisi, cerpen, tidak mementingkan kebenaran fakta. Seorang pengarang tidak berniat untuk menceritakan kejadian yang sebenar dan tidak dipertanggungjawabkan untuk menyatakan apa yang sebenarnya berlaku. Misalnya, sebuah cerpen tentang kehidupan anak yang kehilangan ibu bapa semasa kemalangan jalan raya, pengarang tidak perlu memberikan butiran sebenar tentang kemalangan yang berlaku. Dia boleh menggambarkan peristiwa itu untuk menimbulkan kesan sedih dan simpati.

PENGHASILAN KARYA

Semua bentuk penulisan baik kreatif ataupun deskriptif menggunakan BAHASA untuk menyampaikan isi. Semua penulisan, baik kreatif atau non-kreatif dibina oleh dua komponen penting, iaitu ISI dan BENTUK.

Isi ialah perkara yang hendak diucapkan atau yang hendak disampaikan. Di dalam isi terdapat subjek yang disebut sebagai mesej pengarang kepada pembaca. Inilah yang dianggap sebagai '*substance*' di dalam sesuatu tulisan atau karya.

Bentuk ialah cara penyampaian isi. Pengarang menyampaikan apa yang mahu disampaikan dengan menggunakan bahasa. Ada yang menyampaikan melalui prosa dan ada yang menulis puisi. Cara pengarang menggunakan bahasa disebut sebagai gaya bahasa.

PROSES KREATIF

Proses menghasilkan karya disebut juga sebagai proses kreatif dikira bermula dari teretusnya idea yang kemudian diolah di dalam bentuk tulisan, ditulis, diperbaiki hingga lahir sebuah karya baru dalam genre yang dipilih oleh pengarang sama ada puisi, cerpen, novel dan sebagainya. Proses di atas tidak berlaku dalam tempoh masa yang sama untuk semua pengarang. Setiap seorang pengarang juga tidak mengambil masa yang sama untuk menghasilkan karya yang berlainan.